

# **DIMENSI JIHAD DALAM PERJUANGAN PAHLAWAN MELAYU MENENTANG PENJAJAH DI PAHANG**

*(The Jihad Dimension in the Struggle of the Great Malay Warriors Against the Colonizers in Pahang)*

*Rahimin Affandi Abdul Rahim  
faqir\_ila\_rabbih@um.edu.my*

*Muhammad Ikhlas Rosele  
ikhlas@um.edu.my*

*Nor Adina Abdul Kadir  
noradina@melaka.edu.my*

Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya.

## **Abstrak**

Makalah ini membicarakan perjuangan menentang penjajah di Pahang dengan memfokuskan hubung kait perjuangan yang berlaku dengan doktrin jihad dalam Islam. Tinjauan dilakukan menggunakan data kepustakaan yang dianalisis secara induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian membuktikan bahawa elemen jihad wujud dalam perjuangan pahlawan Melayu di Pahang untuk mempertahankan tanah airnya. Doktrin tersebut lahir kesan penyebaran ilmu Islam yang berkembang dan kukuh di Pahang, wujudnya jaringan ulama dan karya mereka, serta faktor keadaan zaman.

Kata kunci: perjuangan, penjajah, jihad, ulama, Pahang

## **Abstract**

*This article discusses the struggle against colonialism in Pahang in relation to the doctrine of jihad in Islam. The study was carried out using data gleaned from literature and analysed in an inductive, deductive and comparative manner. The results of this study show that there is an element of jihad in the struggle of the Malay warriors of Pahang to defend their fatherland. This is the result of the strong Islamic*

*influence in Pahang, the presence of ulama (religious scholars), and circumstances of the time.*

*Keywords: struggle, colonialism, jihad, ulama, Pahang*

## **PENDAHULUAN**

Dalam sejarah Malaysia, sudah tercatat episod perjuangan masyarakat Melayu menentang penjajah di Tanah Melayu. Bermula dengan penentangan terhadap Portugis, kemudiannya diikuti Belanda dan Inggeris (British), perjuangan terus berlanjutan sehingga menentang penjajahan Jepun pada tahun 1941. Penentangan berlaku disebabkan oleh beberapa faktor seperti kesedaran, semangat kenegaraan (kenegerian), mempertahankan hak dan kepentingan, dan sebagainya.

Keadaan yang sama turut berlaku di Pahang. Campur tangan British di Pahang menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat Melayu di Pahang. Ekoran itu, pejuang Melayu bangkit memberikan ancaman dan bertindak mengusir British sehingga berlaku beberapa siri peperangan. Oleh itu, makalah ini bertujuan menjelaskan perjuangan yang berlaku demi memartabatkan kembali sejarah perjuangan menentang penjajah di Pahang.

Fokus utama makalah ini adalah untuk membuktikan bahawa perjuangan menentang penjajah di Pahang merupakan suatu bentuk jihad yang sama pentingnya dengan kedudukan Islam dalam kalangan masyarakat Melayu di Pahang. Jihad merupakan salah satu perkara penting yang dituntut dalam Islam yang boleh digunakan untuk mengembangkan dan mempertahankan Islam di sesuatu tempat. Oleh itu, jihad yang berlaku di Pahang menggambarkan kekuatan dan peranan Islam di negeri tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam hierarki jihad dalam Islam, jihad peperangan merupakan salah satu bentuk jihad yang dituntut, selain jihad diri (dengan menuntut ilmu dan melawan nafsu syahwat). Jihad peperangan (fizikal) yang berlaku secara tidak langsung menunjukkan bahawa usaha pendakwah dan ulama menyebarkan ilmu dan ajaran Islam telah berjaya di Pahang.

Berdasarkan tinjauan, meskipun terdapat penulisan atau kajian yang menyentuh jihad dalam perjuangan menentang penjajah, namun penulisan tersebut terpisah tanpa mengaitkan jihad dengan perjuangan menentang penjajah. Pendedahan dan susur galur menentang penjajahan di Pahang telah banyak ditulis. Antaranya termasuklah penulisan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang (2001), Buyong (1972), Abd. Jalil (2012), Noor Masliza (2006), serta Muhammad Yusoff dan Aruna (1992).

Sementara itu, penulisan tentang jihad pula hanya memfokuskan jihad semata-mata tanpa mengaitkannya dengan perjuangan menentang penjajah.

Lebih malang lagi apabila penentangan orang Melayu di Pahang, meskipun menepati kriteria jihad tidak dianggap sebagai jihad dalam catatan sejarah di Alam Melayu. Hanya beberapa tokoh sahaja yang dikaitkan dengan usaha berjihad di jalan Allah seperti Syeikh Daud al-Fathani dan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani yang berjihad menentang penjajahan Siam (Azyumardi, 2013; Laffan, 2011); Syeikh Nawawi al-Bantani yang menaikkan semangat pejuang kemerdekaan Nusantara dari Makkah (Yunus, 2008); Syeikh Yusuf Makassar yang menentang Belanda di Banten (Vlekke, 2008); dan Syeikh Ahmad Zain al-Fathani yang menerapkan doktrin jihad dalam karyanya (Hasanudin, 2009).

Atas dasar itu, perjuangan menentang penjajah di Pahang yang lazimnya dikaitkan dengan semangat nasionalisme sememangnya didorong oleh pemahaman terhadap prinsip jihad yang dituntut dalam Islam. Masyarakat Melayu memahami dan mengaitkan semangat nasionalisme dengan semangat jihad. Bagi Dr. Burhanuddin Helmi, memang semangat sayang akan tanah air mempunyai hubungan simbiotik (saling berkait) dengan Islam. Terdapat empat elemen yang berkaitan dengan semangat sayang akan bangsa, iaitu iman, diri, bangsa dan watan. Iman berdiri atas diri, diri berdiri atas bangsa dan bangsa mesti berdiri atas watan. Seperti manusia memerlukan kebebasan dan kemerdekaan untuk hidup dan melayakkannya dikenakan taklif syarak, maka kemerdekaan bangsa dan watan sangat diperlukan untuk memastikan agama dapat ditegakkan di muka bumi. Menurut Kamaruddin (2000), kemuncak sifat sayang akan watan adalah dengan cara melaksanakan jihad yang sanggup mengorbankan nyawa untuk mempertahankannya daripada dijajah oleh kuasa asing.

## KONSEP JIHAD

Jihad merupakan perkataan dalam bahasa Arab yang berasal daripada kata *ja-ha-da* yang bermaksud “menuntut sehingga tercapainya matlamat” (Jumhuriyyah, 1990). Jihad juga membawa maksud “kesungguhan dan bersusah payah” (Ibn Manzur, t.th.). Menurut al-Jurjani (t.th.), jihad bermaksud “menyeru ke arah agama yang benar” (dalam segala bentuk perbuatan).

Jihad mempunyai takrif yang berbeza mengikut situasi. Jihad boleh dilihat dari pelbagai perspektif seperti jihad perang dan jihad diri (melawan nafsu syahwat). Dalam perbahasan ulama, jihad yang lebih afdal pada hari ini ialah jihad melawan nafsu syahwat berbanding dengan jihad keluar berperang. Oleh sebab itu, makalah ini lebih menekankan konsep asal jihad, perang seperti yang dituntut oleh syarak iaitu jihad.

Jihad dari sudut syarak menurut Syafi'iyah dan Malikiyyah ialah memerangi golongan kafir sehingga mereka memeluk Islam. Hanabilah pula berpendapat jihad ialah seseorang yang baligh membunuh musuhnya, dan dari sudut syarak bermaksud membunuh orang kafir, sedangkan golongan Hanafiyyah menyatakan bahawa jihad bermaksud berdakwah kepada mereka tentang agama Islam (al-Lahidan, 1408H). Oleh itu, pada asasnya, jihad membawa maksud berdakwah dan memerangi golongan kafir sehingga mereka memeluk agama Islam.

Sekiranya dinilai semula dari sudut terminologi kata akar jihad (*al-jihad*), *jahada* juga merupakan kata akar bagi ijtihad. Oleh sebab itu, al-Qaradawi (1996) menyatakan bahawa kedua-dua perkataan itu saling melengkapi. Hal ini dikatakan demikian kerana ijtihad ialah usaha yang bertujuan untuk mengenal petunjuk dan agama Allah yang dibawa oleh utusan-Nya (Nabi Muhammad SAW), sedangkan jihad bermatlamat menjaga agama Allah dan mempertahankannya. Al-Qaradawi (1996) menyatakan lagi bahawa ijtihad merupakan suatu bentuk jihad ilmiah, manakala jihad ialah ijtihad dalam bentuk tingkah laku.

Jihad juga dikatakan terdapat dalam pelbagai bentuk dan aspek. Muhammad Na'eem (1990) menyenaraikan antara bentuk jihad termasuklah jihad melawan nafsu, jihad melawan syaitan, jihad menentang golongan kafir (perang), jihad dakwah dan jihad terhadap pemerintah (dengan menasihatinya). Ibn al-Qayyim (1998) pula membahagikan jihad kepada empat bentuk, dan setiap bentuk tersebut mempunyai pecahan atau perinciannya. Secara ringkasnya, martabat atau bentuk jihad adalah seperti yang berikut:

1. Jihad diri merangkumi jihad menuntut ilmu, mengamalkannya, berdakwah tentang ilmunya dan bersabar atas dakwah yang dilakukan.
2. Jihad melawan syaitan merangkumi jihad melawan bisikan atau hasutan syaitan yang berbentuk syubhah dan perkara yang merosakkan akidah, serta jihad melawan kehendak, syahwat, rasa ragu dan syubhah.
3. Jihad menentang golongan kafir dalam segala bentuk seperti jihad perang, harta, hati (membenci) dan lisan (berdakwah).
4. Jihad menentang golongan munafik dalam segala bentuk seperti jihad perang, harta, hati (membenci) dan lisan (dakwah). Namun, jihad melawan munafik lebih diutamakan menggunakan lisan.

Setiap bentuk tersebut memberikan gambaran tentang skop jihad yang berlaku. Jihad menurut pandangan ulama pada asasnya boleh dibahagikan kepada dua, iaitu jihad umum dan jihad khusus. Jihad khusus bererti jihad yang sebenar, iaitu perang menentang musuh Islam, manakala jihad umum

merangkumi semua bentuk jihad selain perang. Makalah ini akan memfokuskan jihad khusus yang berlaku di Pahang dan turut menyentuh jihad umum.

## **ULAMA SEBAGAI PENCETUS JIHAD DI ALAM MELAYU**

Di Alam Melayu, negeri Pahang termasuk dalam tiga kelompok kawasan yang mempunyai sejarah jihad melawan penjajah. Tiga kawasan terbabit ialah Indonesia, Patani dan Tanah Melayu (Perak, Terengganu, Kelantan dan Pahang). Walaupun bentuk perjuangan di ketiga-tiga kawasan tersebut agak berbeza, namun asas perjuangannya sama, iaitu berdasarkan semangat jihad menentang kuasa penjajah (golongan kafir) di bumi Melayu (Islam).

Pada asasnya perjuangan jihad di Alam Melayu mempunyai kaitan dengan jaringan intelektual yang berlaku di Timur Tengah, khususnya Makkah dan Madinah (dua Tanah Haram). Ulama Alam Melayu yang berada di tempat tersebut telah memainkan peranan penting meniupkan semangat jihad dalam perjuangan menentang penjajah di Alam Melayu (Bruinessen, 1992). Isu yang berlaku dalam kalangan umat Islam sedunia seperti penjajahan dan kezaliman dikongsi dan dibincangkan di Makkah dan Madinah. Keadaan ini bukan sahaja meraih simpati dalam kalangan jemaah haji, bahkan mampu meraih sokongan spiritual dan material. Sebagai contoh, isu yang menjadi perbincangan tentang peristiwa penjajahan Portugis di Melaka pada tahun 1511 telah mempengaruhi perjuangan mempertahankan Aceh daripada dijajah oleh Belanda (Amirul Hadi, 1992).

Keadaan ini sebenarnya dipengaruhi oleh kehadiran ulama yang masyhur dan aktif di Makkah pada sekitar abad ke-17, selain aktif melahirkan kader ulama yang mewarisi tradisi keilmuan. Mereka juga berjaya menyuntik semangat jihad dalam kalangan ulama yang berasal dari Tanah Melayu. Antara ulama tersebut termasuklah Syeikh Muhammad al-Falimbani yang berasal dari Palembang (Indonesia), Syeikh Muhammad Zain al-Ashi yang berasal dari Aceh (Indonesia), dan Syeikh Muhammad al-Fathani yang berasal dari Patani (Thailand). Mereka telah membentuk kader yang berpengaruh di Alam Melayu seperti Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, Syeikh Yusuf al-Maqassari (Makassar), Syeikh Abdul Wahab Bugis, Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari, Syeikh Muhammad Ali Aceh dan Syeikh Daud al-Fathani (Hasanudin Daud, 2009; Lukmanul Hakim Darusman, 2008).

Tokoh yang dikaderkan telah terbukti berperanan penting dan bergiat aktif dalam perjuangan menentang penjajah pada abad ke-18. Tokoh tersebut termasuklah Syeikh Abdul Samad al-Falimbani dan Syeikh Daud al-Fathani. Kedua-dua tokoh ini terlibat dalam perang melawan penjajah Siam di Patani. Penentangan yang dilakukan secara

terang-terangan telah melahirkan kader ulama yang juga merupakan pejuang di pelbagai kawasan di Alam Melayu. Antaranya termasuklah Syeikh Wan Hasan Besut, Syeikh Muhammad Bendang Daya, Syeikh Abdul Halim Kelantan, Syeikh Abdul Qadir Mustafa Bendang Daya, Tuanku Tambusai Minangkabau dan Raja Ahmad Raja Ali Riau yang merupakan kader Syeikh Daud al-Fathani (Saref dan Faisal, 2014). Jaringan keilmuan dan perjuangan selanjutnya berpindah kepada generasi kemudian yang boleh dianggap sebagai “cucu” murid, iaitu Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani (Muhammad Adib dan Mohammad Zaini, 2011) yang menjadi rujukan dan orang penting dalam sejarah kebangkitan perjuangan menentang penjajah di Alam Melayu.

Gerakan ulama yang boleh dianggap sebagai pencetus jihad di Alam Melayu telah mengaplikasikan pelbagai kaedah. Antaranya termasuklah menghasilkan kitab fiqh yang secara langsung menjelaskan kewajipan jihad melawan penjajah kepada umat Islam. Antara kitab yang terpenting termasuklah *Nasihatul Muslimin wa Tazkiratul Mukmininafi Fadhail al-lihadi wa Karaama al-Mujtahidinafi Sabilillah* karya Syeikh Abdul Samad al-Falimbani (Wan Ali, 2010); *Mulhiqun fi Bayani Fawaidin Nafi'ah fi lihadi fi Sabilillah* yang juga merupakan karangan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani (Wan Ali, 2010); *Lum'ul Fawa'id* karya Syeikh Daud al-Fathani, begitu juga kitab *Tuhfatul Gharibin* dan kitab *Munyat Muslli* (Azyumardi Azra, 2005); *Nihayah al-Zayn* karangan Imam Nawawi al-Bantani al-Jawi (2002).

Semua karya ini telah memuatkan tajuk jihad dan doktrin politik (dalam erti kata bahaya penjajah dan dorongan untuk mempertahankan negara) dalam salah satu perbincangannya dan diguna pakai dalam pengajian di Alam Melayu. Hal ini bererti dalam sistem pengajian pondok di Alam Melayu, isu jihad memang menjadi antara tajuk wajib yang perlu dipelajari oleh umat Islam. Doktrin jihad juga merupakan salah satu tajuk pengajian yang menjadi perbincangan fikah, lebih-lebih lagi pengajian ini merupakan tahap pertama proses Islamisasi di Alam Melayu (al-Attas, 2011). Oleh itu, boleh dikatakan bahawa doktrin jihad juga berlaku seiring dengan proses Islamisasi di Alam Melayu. Doktrin jihad Syeikh Daud al-Fathani diterangkan dalam kitab *Bughyah al-Tullab* yang tercatat kenyataan yang berikut:

Dan setengah daripadanya, perang sabil bagi kuffar, yakni wajib bagi Imam itu pergi perang kepada negeri mereka itu, maka iaitu fardu kifayah dengan ijmak. Atau Naib Imam pergi dengan tentera kerana perang bagi mereka itu. “Atau diperbaiki akan kota yang antaranya dan antara negeri mereka itu, serta diteguhkan dia, dan ditaruhkan senjatanya, dan orang yang menunggu padanya sekira-kira memadai melawan akan mereka itu. Maka hendaklah diperbuat akan salah suatu daripada keduanya maka gugurlah fardu kifayahnya. Ini jika tiada mereka itu datang kepada negeri kita. “Maka jika datang ia kepada negeri Islam maka jadilah fardu

ain atas tiap-tiap seorang daripada negeri yang ia masuk itu, hingga perempuan dan sahaya orang ...

(Syeikh Daud al-Fathani, t.th.; Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 2009).

Kenyataan tersebut jelas telah menetapkan hukum fardu ain bagi orang Islam untuk berjihad apabila tanah airnya dijajah oleh orang kafir. Tuntutan ini telah menjadi pegangan dan prinsip masyarakat Melayu untuk mempertahankan tanah air daripada dijajah oleh orang kafir.

Contoh lain adalah seperti kitab *Muniyyat al-Musalli*, karya Syeikh Daud al-Fathani yang telah menerapkan doktrin tentang perang dan jihad walaupun kitab tersebut asalnya memuatkan perbincangan tentang solat. Contohnya, bab pertama kitab tersebut, Syeikh Daud al-Fathani (2010) menyatakan bahawa:

Dan dikehendak dengan solat *al-wustha*, iaitu sembahyang asar. Dan adapun sebab ditentukan dengan menyebut akan dia kerana kelebihannya dan mulianya atas yang lainnya. Dan adalah sebab diturunkan ayat ini kerana memudahkan sembahyang tatkala takut. Bahawasanya orang Islam serta Rasulullah SAW pada setengah daripada peperangan, sembahyang Rasulullah SAW sembahyang zohor atas jalan adatnya dan adalah musyrikun hampir dengan mereka itu melihat ia akan Muslimin. Maka tatkala selesai mereka itu dari sembahyang, kata setengah daripada musyrikin “jikalau kamu kerempak (menyerang serentak) atas mereka itu padahal mereka itu dalam sembahyang mereka itu, nescaya mengena kamu akan mereka itu.” Maka berkata setengah yang lainnya bahawasanya bagi mereka itu kemudian daripada sembahyang ini terlebih kasih kepada mereka itu daripada bapa-bapa mereka itu dan daripada anak-anaknya yakni dikehendaknya mereka itu sembahyang asar. Maka turun Jibril a.s. atas Rasulullah SAW dengan sembahyang *kaifiat syiddah al-khauf*. Maka titik olehmu betapa kelebihan sembahyang asar dan nyatanya hingga mengetahui segala musyrikin kelebihannya.

Walaupun secara kasarnya, perbincangan menyentuh isu solat dalam situasi peperangan, namun kewujudan doktrin seruan jihad dapat dilihat dengan jelas di dalamnya. Beberapa inti pati penting dapat dijelaskan daripada nukilan tersebut. Antaranya, pertama, kepentingan menjaga solat walaupun dalam keadaan perang. Justeru, perang boleh menjadi sebab kaedah pelaksanaan solat diubah (dalam keadaan berjaga-jaga), serta menceritakan kisah dan situasi perang pada zaman Rasulullah SAW.

Kedua, ibadat haji telah dijadikan medium utama untuk memupuk semangat jihad. Usaha membangkitkan semangat jihad tersebut telah dilakukan oleh para



ulama yang tinggal dan bermastautin di Makkah. Hal ini dapat dibuktikan melalui beberapa peristiwa antaranya yang berlaku di Indonesia. Di Sumatera Barat, pihak Belanda telah ditentang oleh jemaah haji yang baru pulang melalui Pedir. Penentangan tersebut merupakan satu peperangan yang berlangsung sekitar tahun 1821 hingga 1837 Masihi yang dikenali sebagai Perang Paderi (Graves, 2010; Azyumardi, 2015). Sementara itu, di Banten, iaitu wilayah paling barat di Pulau Jawa Indonesia, berlaku kebangkitan pejuang untuk berjihad. Pada sekitar tahun 1674 Masihi, Sultan Abdul Qahar Banten bekerjasama dengan tokoh ulama yang dikenali sebagai Syeikh Yusuf Makassar untuk memimpin masyarakat Islam menentang penjajahan Belanda (Samsul Munir, 2009). Keadaan ini jelas membuktikan bahawa suntikan jihad dalam kalangan masyarakat Melayu kebanyakannya disebarkan dari dua Tanah Haram melalui ibadah haji. Antara tokoh yang bertanggungjawab menyemai doktrin semangat jihad di Makkah ialah Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau, Syeikh Nawawi al-Bantani, Syeikh Abdul Samad al-Falimbani dan Syeikh Mahfuz Termas (Hasanudin, 2009).

Selain itu, ulama India turut berperanan meniupkan semangat nasionalisme dalam kalangan orang Melayu kerana ada dalam kalangan orang Melayu yang menuntut ilmu di Madrasah Shaulatiyah di Makkah yang telah ditubuhkan oleh ulama India. Pihak Belanda menyedari perkara ini dan bertindak mengatasi masalah penentangan daripada jemaah haji dengan mewajibkan mereka membuat pasport dengan bayaran yang tinggi bermula pada tahun 1825. Dengan meletakkan harga pasport sebanyak 110 gulden bagi mereka yang ingin menunaikan haji, pihak Belanda menjangkakan tindakan tersebut dapat mengurangkan jumlah umat Islam pergi ke Makkah. Namun, hal sebaliknya berlaku kerana pada tahun 1858 seramai 3718 umat Islam Indonesia telah pergi menunaikan ibadah haji di Makkah (Bruinessen, 1990).

Pihak Belanda meneruskan usaha menyekat pengaruh ulama terhadap jemaah haji yang dianggap sebagai suatu ancaman. Pihak Belanda telah menghantar Snouk Hurgronje (1857–1936) ke Makkah pada tahun 1884 dengan berpura-pura memeluk Islam. Tujuan Hurgronje dihantar adalah untuk mendampingi ulama Melayu dan melakukan kajian terhadap peranan ibadah haji yang berjaya membangkitkan kesedaran politik Melayu. Selanjutnya, Hurgronje pergi ke Aceh pada tahun 1889 untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi kekuatan Aceh sehingga dapat menghalang Belanda daripada menguasai wilayah tersebut (Vickers, 2005).

Peranan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani ada disebut dalam kajian yang dijalankan oleh Hurgronje. Beliau menjelaskan bahawa Syeikh Ahmad berperanan mempengaruhi semangat jihad masyarakat Melayu melalui penerbitan kitab agama yang pada asalnya diterbitkan untuk Kerajaan Uthmaniyah. Beliau



juga menyebarkan pengaruh kepada jemaah haji dan pelajar Melayu di Makkah. Hurgronje telah menyiapkan laporannya yang bertajuk “Atjeh Verslag” pada sekitar tahun 1892 dan diterbitkan pada 1893 sebagai *De Atjeher*. Laporan tersebut menjadi rujukan penjajah untuk menyebarkan pengaruhnya di Alam Melayu. Dalam laporan tersebut, Hurgronje telah mencadangkan agar ulama diasingkan daripada masyarakat bagi melahirkan ulama (melalui doktrin tertentu) yang memisahkan agama daripada politik. Strategi mewujudkan ulama sekular dan menafikan keupayaan ulama dalam kepimpinan bertujuan untuk merencatkan gerakan umat Islam di Alam Melayu menentang penjajah Belanda. Kesannya, pada tahun 1903 Kesultanan Aceh berjaya digulingkan oleh Belanda (Ricklefs *et al.*, 2010; Bauer, 2005).

Selain Hurgronje, terdapat seorang lagi penyelidik yang mengkaji faktor kebangkitan semangat nasionalisme di Indonesia, iaitu Bernhard Dahm. Beliau mendapati ibadah haji menjadi salah satu faktor penting yang membangkitkan semangat nasionalisme di Indonesia pada abad ke-20 (Dahm, 1971). Buktinya, jumlah jemaah haji di Indonesia meningkat sebanyak 18 127 orang daripada 10 300 orang pada tahun 1908 kepada 28 427 orang pada tahun 1914. Rentetan daripada itu, sebuah parti Islam yang pertama di Asia Tenggara ditubuhkan pada tahun 1912 yang dikenali sebagai Parti Sarekat Islam yang telah mendapat sambutan daripada jemaah haji. Jemaah haji yang dipengaruhi oleh ulama di Tanah Haram memberikan sokongan padu kepada Parti Sarekat Islam sehingga ahlinya bertambah sehingga mencecah 366 913 orang ahli pada tahun 1914 berbanding dengan 4500 orang ahli ketika mula ditubuhkan (Dahm, 1971).

Ketiga, wujudnya hubungan yang erat antara ulama Melayu dengan sultan dan pemerintah di Alam Melayu. Ulama di kedua-dua Tanah Haram (Makkah dan Madinah) meneruskan interaksi dan hubungan baik dengan pemerintah di Alam Melayu, khususnya bagi mendapatkan sokongan terhadap perjuangan mereka menentang penjajah. Sebagai contoh, pada tahun 1772, Syeikh Abdul Samad al-Falimbani bertindak mengirinkan dua orang jemaah haji kepada Sultan Hamengkubowono I dan Susuhunan Prabu Laka. Beliau juga telah mengirinkan surat yang berisi pujian terhadap perjuangan jihad Raja Mataram terdahulu, serta menyeru mereka agar terus berjuang dan berjihad menentang penjajah (Drewes, 1976).

Selain beliau, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani merupakan seorang lagi ulama yang berperanan menjaga hubungan baik pemerintah dan menjadi rujukan di Alam Melayu. Antaranya termasuklah sultan di Pattani, Kelantan, Terengganu, Kedah, Johor, Riau-Lingga, Deli, Langkat, Pontianak dan Sambas. Contohnya, beliau pernah mengirinkan surat yang mengandungi doa untuk pertabalan Sultan Mansur Kelantan pada tahun 1891. Dalam surat tersebut beliau telah mendoakan agar negeri Kelantan terhindar daripada penjajahan dan

tipu daya orang kafir. Antara inti pati doa tersebut adalah seperti yang berikut:

Bahawa Engkau sentosakan dia (Sultan Mansur) dan negerinya (Kelantan) dan rakyatnya dan segala negeri Melayu dan raja-rajanya daripada segala kejahatan kafir dan tipu daya mereka itu. Dan tegahkan hai Tuhanku daripada masuk mereka itu, kafir, ke Kelantan dan segala negeri Melayu dengan memerintah padanya barang perintah ada ia ...

(Hasanudin, 2009)

Dalam doa tersebut terkandung nilai perjuangan yang cuba diterapkan oleh Syeikh Ahmad al-Fathani bersempena dengan pertabalan Sultan Mansur di Kelantan. Selain itu, beliau juga turut mengirimi surat bertarikh 1323 Hijrah (Hasanudin, 2009) kepada Sultan Zainal Abidin III, Sultan Terengganu, dan berpesan agar mempertahankan tanah air daripada penjajah.

Serta dilanjutkan zaman Duli Tuanku serta zuriat Tuanku di dalam hening kerajaan yang tiada mencampuri akan dia kadr (yang susah) dan menyakitinya oleh ajnib (bangsa asing).

(Hasanudin, 2009; Mat Rofa, 2015)

Surat tersebut menjadi bukti bahawa ulama Melayu di Makkah mengambil berat urusan mempertahankan Tanah Melayu. Oleh itu, mereka mengirimi surat yang mengandungi nilai perjuangan kepada sultan untuk menggesa gerakan jihad terhadap penjajah dan mendoakan agar Allah melindungi Kerajaan Melayu daripada jatuh ke tangan penjajah.

## **JIHAD DAN PERJUANGAN MENENTANG PENJAJAH DI PAHANG**

Perjuangan jihad di Pahang berkait rapat dengan perjuangan jihad umat Islam pada peringkat serantau dan antarabangsa. Perkembangan yang berlaku di luar Pahang menjadi sumber motivasi kepada perjuangan di Pahang (Ishak, 2013). Jihad yang berlaku di Alam Melayu termasuk Pahang terbahagi kepada dua jenis, iaitu:

1. Jihad dakwah dan *ta'lim*. Jihad dakwah merupakan suatu bentuk usaha dan pengorbanan ulama untuk menyebarkan dakwah Islam kepada seluruh masyarakat di sesuatu tempat. Hakikatnya, jihad dakwah telah berlaku di Pahang seiring dengan proses Islamisasi yang berlaku seawal kurun ke-10 Masihi lagi (Muhammad Ikhlas, Rahimin Affandi dan Mohd. Anuar, 2015). Para ulama yang datang dan yang sedia ada di Pahang telah menyebarkan Islam dan melakukan jihad dakwah yang sentiasa berterusan hingga hari ini. Jihad *ta'lim* merupakan suatu bentuk jihad yang memberikan kefahaman dan didikan kepada masyarakat

- sama ada dalam bentuk halaqah dan usrah (kumpulan kecil). Jihad *ta'lim* yang berlaku di Pahang boleh dikenal pasti menerusi siri pengajian dan dakwah yang dilakukan oleh Haji Uthman bin Senik, Haji Ishak, Syeikh Mukhsin bin Habib Abdul Rahman, dan lain-lain (Amnah Saayah, *et al.*, 2014).
2. Jihad perang merupakan konsep sebenar jihad dalam bentuk penentangan bersenjata melawan kuasa kafir seperti yang dilakukan oleh ulama di Alam Melayu. Antaranya termasuklah Syeikh Daud al-Fathani, Nawawi al-Bantani, Yusuf Makassar, Abdul Samad al-Falimbani, dan Tok Janggut (Graves, 2010; Samsul Munir, 2014; Jajat, 2013).

Walaupun berjihad hukumnya fardu kifayah, namun hukum tersebut boleh berubah menjadi fardu ain jika negara dijajah oleh musuh Islam atau orang kafir (Syed Sabiq, t.th.). Atas dasar inilah pejuang Melayu bangkit untuk menentang penjajah seperti Portugis, Belanda dan British di Alam Melayu. Hal yang serupa berlaku di Pahang. Penjajahan British telah membangkitkan semangat jihad dalam kalangan orang Melayu di Pahang.

Perjuangan menentang penjajah atau perjuangan kebangsaan (patriotisme) bermula sejak abad ke-16 lagi. Gerakan ini berlaku pada peringkat daerah dan negeri kesan penjajahan Melaka oleh Portugis pada tahun 1511, Belanda pada tahun 1641 dan British pada abad ke-19. Campur tangan British di Tanah Melayu bermula sejak Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 (Abdul Latif, 2001).

British mencuba untuk memasuki Pahang pada tahun 1885 melalui usaha Fank Swettenham (yang telah diutuskan oleh Gabenor Smith) tetapi gagal. Pada tahun 1886, Gabenor Fred A. Weld pula telah datang berjumpa sultan untuk mengadakan perjanjian dengan pihak Inggeris (British). Namun, usaha tersebut juga tidak berhasil. Walau bagaimanapun, pihak British tidak pernah berputus asa sehingga pada tahun 1887, Hugh Clifford telah datang, dan disertai campur tangan Kerajaan Johor menyebabkan Sultan Ahmad terpaksa memeterai perjanjian dengan pihak British (Linehan, 1936).

Namun, perjanjian bukanlah suatu yang direlakan oleh Sultan Ahmad dan juga para pembesar Pahang. Oleh sebab itu, berlakunya siri penentangan terhadap British yang dikenali sebagai Perang Bahaman di Pahang. Perang tersebut telah menjadi titik permulaan kebangkitan pejuang Melayu di Pahang untuk menentang penjajah dan segala agenda mereka yang berlaku sejak tahun 1891 sehingga 1895 (Mohamad Roselan, 1998)

Hakikatnya, penentangan penjajah di Pahang merupakan perjuangan mempertahankan agama, tanah air dan maruah Melayu (Syed Husin, 2008). Para pejuang yang menentang penjajah telah mengetahui tujuan sebenar mereka datang

adalah untuk menyebarkan agama Kristian, mengaut hasil bumi dan meluaskan kekuasaan mereka di Alam Melayu. Sejarawan mentakrifkan tujuan penjajah ke Alam Melayu adalah untuk menepati matlamat 3G, iaitu *God* atau *Gospel*, *Glory* dan *Gold* (Uka, 2009). Keadaan ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan cucu Mat Kilau tentang perjuangan menentang British sebagai:

Dia (Mat Kilau) jawab orang putih nak sebarkan Kristian mungkin sebab takut Islam semakin kuat di Asia, terutama di Kelantan dan Aceh hingga mendapat jolokan Serambi Mekah.

Mat Kilau sedar bahawa pihak British selain mahu menjajah mereka juga mahu menyebarkan ajaran Kristian berbanding niat asal kononnya ingin menjalankan perdagangan rempah ratus dan bijih timah.

(Tuan Sharifah dan Zafri, 2006)

Kenyataan Mat Kilau bertepatan dengan tujuan utama jihad disyariatkan. Allah SWT telah mensyariatkan jihad adalah untuk menegakkan kalimah Allah di muka bumi dan menzahirkan agama-Nya, iaitu Islam (Salih, 2009). Oleh sebab berlakunya ancaman terhadap kelangsungan Islam dan penganutnya, jihad diisytiharkan di negeri Pahang.

Pejuang di Pahang juga mempunyai perkaitan rapat dengan negeri Kelantan dan Terengganu. Dato' Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau dikatakan berundur dan bersembunyi di kedua-dua negeri tersebut ketika diburu pihak British. Hal ini dikatakan demikian kerana wujudnya jaringan antara negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu. Tambahan pula, perjuangan menentang penjajah di ketiga-tiga negeri tersebut dibangkitkan oleh golongan ulama dan disemarakkan oleh semangat jihad. Oleh itu, hubungan antara negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu bukan sahaja dari sudut perjuangan dan jihad, malahan turut mempengaruhi intelektual pejuangnya (Mohd. Roslan, 2011).

Menariknya, ada pendapat yang menyatakan bahawa pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20 berlaku tiga perjuangan yang dikaitkan dengan semangat jihad. Tiga siri perjuangan tersebut dipimpin oleh ulama Pahang, Kelantan, Terengganu dan Singapura bukan sahaja berasaskan semangat jihad, bahkan mempunyai hubungan yang rapat dengan pengaruh Uthmaniyyah. Namun, kenyataan ini masih memerlukan dukungan bukti yang kukuh (Amnah Saayah *et al.*, 2011). Namun begitu, pendapat tersebut secara tidak langsung membuktikan bahawa jihad menjadi asas perjuangan Melayu di Pahang.

Pejuang Pahang memang mempunyai hubungan dengan seorang ulama di Terengganu, iaitu Tok Ku Paloh. Tok Ku Paloh adalah antara ulama yang telah

membakar dan menyemarakkan semangat jihad dalam diri pejuang di Pahang. Dengan berbekalkan semangat jihad tersebut, angkatan Dato' Bahaman (bersama-sama Tok Janggut dan Mat Kilau) telah menyerang kubu British di Kuala Tembeling, dan seterusnya menawan Jeram Ampai (Abdullah Zakaria, 2012).

Pada dasarnya, jaringan semangat jihad di Pahang bersifat lebih luas. Uthman Senik merupakan guru silat pejuang di Pahang seperti Mat Kilau, Dato' Bahaman, Tok Gajah, Mat Lela dan Panglima Muda Jempol. Ilmunya mendalam kerana beliau merupakan anak murid Syeikh Abd. Qadir Tok Bendang Daya yang merupakan ulama terkenal di Patani (Mohd. Taib, 2001). Oleh itu, jelaslah bahawa angkatan menentang penjajah di Pahang berkait rapat dengan doktrin jihad ulama dari Patani (Mat Rofa, 2015). Selain Uthman Senik, Haji Ishak merupakan antara ulama yang mengajar dan berdakwah di Pulau Tawar, dikatakan berjaya menyuntik semangat jihad kepada para pejuang di Pahang (Amnah Saayah *et al.*, 2014).

## **SIKAP PENJAJAH BRITISH TERHADAP JIHAD ORANG MELAYU DI PAHANG**

Penjajah British menyedari bahawa jaringan jihad serantau dan antarabangsa di Pahang telah mempengaruhi perjuangan untuk menentang penjajah di Pahang. Sarjana kolonial yang telah merakamkan sejarah Tanah Melayu hanya menonjolkan perjuangan pejuang Melayu di Pahang sebagai terpencil, bersendirian dan hanya berasaskan kepentingan diri semata-mata, serta menafikan perjuangan tersebut berasaskan semangat jihad. Bahkan, mereka cuba menenggelamkan sejarah keagungan Islam silam yang mampu membangkitkan semangat jihad dalam kalangan penganut agama Islam. Sebaliknya, mereka menonjolkan diri mereka sebagai pembawa obor ketamadunan kepada masyarakat Melayu (Rahimin Affandi *et al.*, 2012).

Sarjana kolonial juga telah memberikan gambaran tentang ketidakpuasan hati Dato' Bahaman terhadap British kerana beliau tidak dibenarkan mengutip cukai yang boleh menjejaskan pendapatannya. Beliau juga dilaporkan tidak berpuas hati dengan jumlah elaun yang ditawarkan kepadanya (Abdullah Zakaria, 2012). Keadaan ini menyebabkan pihak British menganggap perjuangan pahlawan Melayu sama seperti pandangan Alam Melayu yang hanya bekerja berteraskan faktor kebendaan semata-mata.

Keadaan ini sama seperti yang berlaku dalam sejarah pembukaan Mesir. M.A. Shahban mengatakan bahawa tentera Islam membuka Mesir hanya kerana dorongan ingin mendapatkan harta *ghanimah* (harta rampasan perang) tanpa didorong oleh semangat jihad. Keadaan ini menggambarkan bahawa seolah-olah tentera Islam

tiada pegangan akidah yang hanya ingin mendapatkan pulangan kebendaan semata-mata. Bagi mereka, manusia umpama haiwan ekonomi yang hanya mementingkan kebendaan mengatasi persoalan lain (Rahimin Affandi, 2013).

Namun, jika diamati dengan teliti, antara bukti perjuangan pahlawan Melayu termasuklah:

1. Mereka sanggup berkorban dan bersusah payah kerana menyedari matlamat perjuangan bertepatan dengan prinsip jihad, diredai Allah dan bakal mendapat ganjaran syahid (Rahimin Affandi, 2012).
2. Matlamat mereka adalah untuk melawan pencerobohan orang kafir demi menjaga maruah agama dan bangsa Melayu yang bersesuaian dengan prinsip *maqasid* (kepentingan agama) dan *maqasid daruri* (yang menetapkan keperluan menjaga agama lebih penting walaupun terpaksa mengorbankan nyawa). Hal ini dikatakan demikian kerana tanpa kepentingan agama dan bangsa, seluruh kehidupan akan menjadi sia-sia dan bangsa Melayu akan terjajah di bumi sendiri (Lukmanul Hakim, 2008).
3. Perjuangan mereka mendapat dukungan, petunjuk dan motivasi daripada ulama yang meniupkan semangat dan memenuhi syarat jihad dalam Islam.
4. Sejarah Alam Melayu membuktikan bahawa dalam perjuangan menentang penjajah, karya dan pengetahuan sejarah digunakan untuk meniupkan semangat jihad kepada pahlawan Melayu (Arba'iyah, 2011). Tambahan pula, idea, pengalaman dan sejarah jihad di luar Pahang seperti Melaka, Aceh, Makassar, Banten, Perak dan Patani mampu menaikkan semangat juang pahlawan Melayu Pahang menentang penjajah British.

Oleh itu, jelaslah bahawa dakwaan sarjana Barat yang melihat perjuangan yang berlaku di Pahang berasaskan kepentingan politik dan bersifat kebendaan semata-mata adalah salah, dan sebenarnya bertujuan menyisihkan peranan Islam dalam sejarah Alam Melayu.

## KESIMPULAN

Perjuangan pahlawan Melayu menentang penjajah di Pahang merupakan suatu jihad dan berkait rapat dengan kebangkitan di Kelantan dan Terengganu. Ketiga-tiga negeri tersebut berkait rapat dari sudut keilmuan, ketenteraan (kepahlawanan), geografi dan sejarah pengislamannya. Selain itu, peristiwa perjuangan menentang penjajah, serta pengaruh tokoh agama yang menyemarakkan semangat jihad di Alam Melayu telah memberikan impak dan dorongan untuk menentang penjajah di Pahang. Oleh



itu, kajian lanjut tentang perjuangan menentang penjajah di Pahang, Kelantan dan Terengganu, hubungan antara ketiga-ketiga negeri, serta hubung kaitnya dengan jihad wajar dilakukan demi menangkis tohmahan Barat dan mengangkat perjuangan pahlawan Melayu yang sebenar.

## RUJUKAN

- Abd. Jalil Borham, 2012. *Islam di Pahang*. Kuantan: UMP.
- Abdul Latif Abu Bakar, 2001. "Gerakan Kebangsaan di Negeri Pahang Sebelum Merdeka" dlm. Zainuddin Haji Jumaat *et al.*, (ed.). *Pahang Meniti Zaman*. Pahang: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali, "Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku dan Jejak Perjuangan Patriot dan Nasionalis Menentang British" dlm. *Malaysia dari Segi Sejarah* 40, hlm. 1–27, 2012.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 2011. *Islam dan Sekularisme*. Bandung: PIMPIN.
- Al-Fathani, Daud Abdullah, t.th. *Bughyah al-Tullab li Murid Ma'rifah al-Ahkam bi al-Sawab*. Pulau Pinang: Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'arif.
- Al-Fathani, Syeikh Daud bin Abdullah, 2010. *Munyatul. Musalli, Idaman Orang yang Solat*. Diterjemahkan oleh Norainie Abu. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Al-Jawi, Muhammad bin 'Umar Nawawi, 2002. *Nihayah al-Zayn fi Irsyad al-Mubtadi' in*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qaradawi, 1996. *Al-Ijtihad fi Syari'at al-Islamiyah*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Amirul Hadi, 1992. "Acheh and the Portuguese: A Study of the Struggle of Islam in South East Asia 1500–1579". Disertasi Sarjana. Institute of Islamic Studies, McGill University, Montreal, Canada.
- Amnah Saayah Ismail, Rusleda Awang, Wan Kamal Mujani dan 'Izziah Suryani Mat Resad, 2011. "Persepsi Kalimah Jihad menurut Pandangan Ulama Nusantara" dlm. Azmul Fahimi *et al.*, (ed.). *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amnah Saayah Ismail, Norshima Zainal Shah, Wan Kamal Mujani dan Izziah Suryani Mat Resad, "Scholar's Jihad Ta'limi in Pahang During the 19<sup>th</sup> Century" dlm. *Middle-East Journal of Scientific Research* 20:12, hlm. 2142–146, 2014.
- Arba'iyah Mohd. Noor, "Perkembangan Pensejarahan Islam di Alam Melayu" dlm. *Jurnal al-Tamaddun* 6:1, 2011.
- Azyumardi Azra, 2005. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Indonesia: Prenada Media.
- Azyumardi Azra, 2013. "The Patani 'Ulama': Global and Regional Networks" dlm. Jory, P. (ed.). *Ghost of The Past in Southern Thailand*. NUS Press: Singapore.
- Azyumardi Azra, "The Significance of Southeast Asia (the Jawah World) for Global Islamic



- Studies: Historical and Comparative Perspectives” dlm. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies* 8, hlm. 69–87, 2015.
- Bauer, S. W., 2005. *The Story of The World. The Modern Age*. Jilid 4. USA: Peace Hill Press.
- Bernhard Dahm, 1971. *History of Indonesia in The Twentieth Century*. London: PallMall Press Limited.
- Bruinessen, M. V., “Mencari Ilmu dan Pahala di Tanah Suci: Orang Nusantara Naik Haji” dlm. *Ulumul Qur’an (Jakarta)* II:5, hlm. 42–49, 1990.
- Bruinessen, M. V., “Tarekat dan Politik: Amalan untuk Dunia atau Akherat?” dlm. *Pesantren* IX:1, hlm. 3–14, 1992.
- Buyong Adil, 1972. *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Drewes, G. W. J., “Further Data Concerning Abd. Al-Shamad al-Palimbani” dlm. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 132:2/3, hlm. 267–92, 1976.
- Jumhuriyyah al-Misr al-‘Arabiyyah, 1990. *Mu’jam al-Wajiz*. Mesir: Wizarah al-Tarbiyah wa al-Ta’lim.
- Graves, E. E., 2010. *The Minangkabau Response to Dutch Colonial Rule in the Nineteenth Century*. Singapura: Equinox Publishing.
- Hasanudin Daud, 2009. “Islam dan Politik: Dinamika Kerjasama Tokoh Serumpun dalam Menghadapi Penjajah”. Kertas kerja dalam Dialog Membangkitkan Memori Kolektif Kesejarahan Indonesia–Malaysia. Tanjung Pinang, Indonesia, 7–9 Oktober 2009.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, 1998. *Zad al-Ma’ad*. Beirut: Muasasah al-Risalah.
- Ibn Manzur, t. th. *Lisan al-‘Arab*. Kaherah: Dar al-Ma’arif.
- Ishak Saat, 2013. *Politik Suara Rakyat*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Jajat Burhanudin, 2013. *Ulama dan Kekuasaan: Pergumulan Elite Politik Muslim dalam Sejarah Indonesia*. Jakarta: Mizan Digital Publishing.
- Kamaruddin Jaffar, 2000. *Dr. Burhanuddin al-Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: IKDAS.
- Laffan, M., 2011. *The Making of Indonesian Islam: Orientalism and the Narration of a Sufi Past*. New Jersey: Princeton University Press.
- Lukmanul Hakim Darusman, 2008. “*Jihad in Two Faces of Shariah: Sufism and Islamic Jurisprudence (Fiqh) and the Revival of Islamic Movements in the Malay World*”. Tesis PhD. The Australian National University.
- Mat Rofa Ismail, 2015. *Kerdipan Bintang Melayu di Bumi Turki*. Selangor: Karangkrak.
- Mohamad Roselan Abdul Malek, 1998. *Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik Pahang*. Petaling Jaya: Oscar Book.
- Mohd. Roslan Mohd. Nor, Mohamad Fauzi Zakaria dan Noorzahidah Mohd. Zain, 2011. “Keterlibatan Ulama dalam Perjuangan Kemerdekaan di Terengganu” dlm. Azmul Fahimi Kamaruzaman *et al. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd. Taib Haji Hassan, 2001. “Tokoh-tokoh Ulama di Negeri Pahang Darul Makmur” dlm. Zainuddin Haji Jumaat *et al.*, (ed.). *Pahang Meniti Zaman*. Pahang: Persatuan

- Sejarah Malaysia.
- Muhammad Adib Samsudin dan Mohammad Zaini Yahaya, “Pemikiran Usul Fikah Syeikh Ahmad al-Fatani dalam Kitab al-Fatawa al-Fataniyyah” dlm. *Jurnal Melayu* 7, hlm. 173–92, 2011.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abd. Rahim dan Mohd. Anuar Ramli, “Islamisasi Awal di Pahang: Satu Tinjauan Teori” dlm. *Jurnal Kemanusiaan* 24:1, 2015.
- Muhammad Na’em Yasin, 1990. *Jihad*. Diterjemahkan oleh Ismail Mohd. Hassan. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Muhammad Yusoff Hashim dan Aruna Gopinath, 1992. *Tradisi Pensejarahan Pahang Darul Makmur 1800–1930*. Selangor: Tempo Publishing.
- Noor Masliza Md. Salleh, 2006. *Pahlawan Pahang dan Melaka*. Petaling Jaya: Pustaka Cahaya Intelek.
- Ooi Keat Gin, 2009. *Historical Dictionary of Malaysia*. UK: Scarecrow Press.
- Ooi Keat Gin, 2010. *The A to Z of Malaysia*. UK: The Scarecrow Press.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ruzman Md. Noor, Mohd. Anuar Ramli dan Nor Hayati Md. Dahlal, “Pemodenan dan Kesejahteraan Manusia dari Perspektif Orientalisme” dlm. *Jurnal Jebat* V 39:2, hlm. 1–23, 2012.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, “Wacana Bias Gender dalam Masyarakat Melayu di Malaysia: Analisis Kritis” dlm. *Jurnal Pentadbiran Sosial Malaysia* 9:1, 2013.
- Ricklefs, M. C. et al., 2010. *A New History of Southeast Asia*. UK: Palgrave Macmillan.
- Salih Fauzan, 2009. *Al-Jihad Dawabituhu wa Ahkamuhu*. Al-Riyad: Dar Kunuz Isybiliya.
- Samsul Munir Amin, 2009. *Sayyid Ulama Hijaz, Biografi Syaikh Nawawi al-Bantani*. Yogyakarta: Pustaka Pesantren.
- Samsul Munir Amin, “Syeikh Nawawi al-Bantani Tokoh Intelektual Pesantren” dlm. *Jurnal Manarul Qur’an* 12, hlm. 138–50, 2014.
- Saref Masae dan Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid, “Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Sumbangannya dalam Pendidikan Islam di Pattani” dlm. *Jurnal al-Muqaddimah* 2:2, hlm. 102–14, 2014.
- Soleh al-Lahidan, 1408H. *Al-Jihad fi al-Islam Bayna al-Talab wa al-Difa’*. Al-Riyad: Maktabah al-Haramayn.
- Syed Husin Ali, 2008. *The Malays Their Problems and Future*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Syed Sabiq, t. th. *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: al-Fath li al-A’lam al-‘Arabi.
- Tuan Sharifah Shahaini dan Zafri Razali, 2006. “Mat Kilau Pejuang yang Dilabelkan Pemberontak”. Bernama.com.<http://www.bernama.com.my/bernama/v3/bm/printable.php?id=215337>.
- t.n., t.th. “*Islamic Jurisprudence (Fiqh) and the Revival of Islamic Movements in the Malay World*”. Tesis PhD. The Australian National University.
- Uka Tjandrasasmita, 2009. *Arkeologi Islam Nusantara*. Jakarta: Gramedia.
- Vickers, A., 2005. *A History of Modern Indonesia*. New York: Cambridge University Press.
- Vlekke, Bernad, H. M., 2008. *Nusantara: Sejarah Indonesia*. Jakarta: Kepustakaan Populer

Gramedia.

W. Linehan, 1936. *A History of Pahang*. Kuala Lumpur: MBRAS

Wan Ali Wan Mamat, 2010. “Penemuan Manuskrip Melayu di Mekah, Saudi Arabia”. Kertas kerja dalam Simposium Internasional Pernaskahan Nusantara ke-13. Solo, Indonesia, 26–28 Julai 2010.

Wan Jamaluddin Wan Omar, 1982. “Haji Uthman Haji Senik, Mufti Pahang: 1838–1918” dlm. Cheah Boon Kheng (ed.) *Tokoh-tokoh Tempatan dan Dokumen-dokumen dalam Sejarah Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah. “Peranan Ulama dalam Silat” dlm. *Utusan Malaysia*, 2009. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0615&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_03.htm#ixzz3vfr9i4p](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0615&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm#ixzz3vfr9i4p) (Capaian pada 26 Disember 2015).

Diperoleh (*Received*): 18 Julai 2016

Diterima (*Accepted*): 28 Ogos 2016